

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ**  
**[ RAUB ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) berapakah kos mencuci Felda Towers sebulan; dan
- (b) berapakah jumlah syarikat yang dipanggil untuk membida kontrak mencuci bangunan Felda Towers.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah melantik UDA Dayaurus Sdn Bhd bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan fasiliti Menara FELDA secara bersepadu (komprehensif). Bidang kerja berkaitan adalah menyedia dan mengurus perkhidmatan pembersihan, pencucian, penyelenggaraan luaran, operasi dan penyelenggaraan peralatan-peralatan mekanikal dan elektrikal, sivil dan struktur, landskap serta kawalan serangga (*pest control*) dengan nilai kontrak sebulan sebanyak RM680,000.00.

Kerja mencuci bangunan adalah termasuk dalam skop kerja yang dilaksanakan oleh syarikat tersebut. Sehubungan itu, bagi kerja-kerja cucian bangunan, pelantikan dan tawaran adalah daripada syarikat tersebut.

Sekian. Terima kasih.